

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 30/08/2007

'Sejarah bergerak' era lima PM

UM - 30/8/2007

KUALA LUMPUR 29 Ogos – Sambutan kemerdekaan negara ke-50, Jumaat ini dianggap istimewa berbanding tahun-tahun sebelumnya kerana menampilkan perbarisan dan perarakan mengikut era pemerintahan lima Perdana Menteri.

'Sejarah bergerak' selama sejam itu membolehkan para pengunjung yang membanjiri Dataran Merdeka mempelajari dan menyaksikan pembangunan dan pencapaian negara sejak separuh abad lalu.

Acara gilang-gemilang itu turut menyaksikan penglibatan lebih 40,000 peserta iaitu 25,607 orang dalam pertunjukan padang manakala 14,440 orang lagi peserta pejalan kaki.

Peserta pejalan kaki termasuk 7,130 orang daripada kakitangan sektor awam, 3,600 orang (sektor swasta), 2,040 orang (pasukan keselamatan dan ketenteraman awam) manakala 1,670 orang lagi terdiri daripada pasukan pancaragam.

Perbarisan dan perarakan itu dimulakan dengan komponen era Bapa Kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj melalui perbarisan kontinjen pejuang-pejuang veteran seperti *Home Guard*, *Jungle Squad* dan *Special Constable*, veteran Komanwel, pahlawan negara dan parti-parti politik.

Era itu turut melibatkan kontinjen pejalan kaki daripada sektor awam termasuk Kementerian Penerangan dan Bank Negara serta sektor swasta seperti Sime Darby dan Royal Selangor selain perarakan kereta berhias yang menggambarkan pembentukan negara dan pertumbuhan sektor perladangan dan pertanian.

Perbarisan itu akan diikuti dengan era Bapa Pembangunan, Tun Abdul Razak Hussein melibatkan kontinjen-kontinjen pejalan kaki awam seperti Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Kementerian Perusahaan Perladangan serta kereta berhias yang mencerminkan pembangunan di bawah Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Komponen era perpaduan di bawah pemerintahan Perdana Menteri ketiga, Tun Hussein Onn pula menyusul dengan penglibatan kontinjen seperti pejalan kaki dari Rukun Tetangga dan Kementerian Wilayah Persekutuan serta perarakan kereta berhias yang menggambarkan program perpaduan negara.

Selain itu, komponen era pemodenan yang dipelopori oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad turut dipamerkan melibatkan

kontinjen pejalan kaki daripada Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB) serta kereta berhias daripada kontinjen peneraju industri automotif nasional, Edaran Otomobil Nasional.